

**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI ALMARHUM
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH
PERASMIAN SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA
2017**

**TARIKH : 4 MEI 2017 / 7 SYAABAN 1438H (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DATARAN KERETAPI, IPOH, PERAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Idea mendedikasikan satu hari secara khusus untuk menghargai dan menghormati perkhidmatan anggota bomba telah dirintis oleh Lt. JJ Edmonson, berikutan tragedi kebakaran di Linton, Victoria yang terletak 150 kilometer di sebelah barat Melbourne, Australia.

2. Pada tarikh 2 Disember, tahun 1998, masyarakat di Linton, malah masyarakat di serata dunia dikejutkan dengan tragedi sedih. Pada tarikh tersebut Linton menghadapi kebakaran besar yang merebak luas dan pantas; panggilan kecemasan dilakukan untuk mendapatkan tenaga bantuan. Panggilan kecemasan telah disambut oleh para sukarelawan pemadam api dari Geelong West Fire Brigade yang bergegas ke tempat kebakaran; Gary Vredeveltdt, Chris Evans, Stuart Davidson, Jason Thomas dan Matthew Armstrong adalah lima anggota dari Geelong yang terbunuh dalam peristiwa kebakaran di Linton kerana trak mereka disambar api, akibat berlakunya perubahan haluan angin.

3. Tragedi di Linton sangat menyentuh hati JJ Edmonson, seorang Leftenan Sukarelawan, hingga mendorong beliau merumus satu resolusi tahun baru. Pada 4 Januari 1999, Lt. Edmonson menghantar email ke serata dunia, mencadangkan agar didedikasikan satu hari secara khusus untuk menghargai dan menghormati anggota bomba di seluruh dunia. Cadangan Edmonson mendapat sambutan. 4 Mei dipilih sebagai tarikh

sambutan 'Hari Anggota Bomba Sedunia' atau *International Firefighters' Day* kerana tarikh tersebut ada kaitan dengan perayaan hari Saint Florian, perayaan yang memperingati Saint Florian, tokoh pertama yang dikenali sebagai komander skuad pemadam kebakaran pada era Empayar Roma, yang bersama rakan-rakan terkorban ketika melaksanakan tugas. Reben merah biru lambang hari peringatan ini, dikaitkan dengan dua elemen utama berkaitan tugas anggota bomba, ia itu api dan air.

4. Anggota bomba melaksanakan tugas dan menggalas tanggungjawab yang sarat dengan bahaya. Masyarakat pada hari ini, berpeluang memahami magnitud cabaran yang dihadapi oleh anggota bomba melalui filem, dokumentari, gambar begitu juga tulisan yang melaporkan sesuatu bencana, samada kebakaran, bangunan runtuh, gempa bumi, ledakan gunung merapi, tsunami, banjir dan pelbagai lagi. Ada kalanya, anggota bomba berhadapan dengan situasi yang belum ada duluan (*precedent*), seperti menghadapi tragedi pasca serangan pengganas yang meruntuhkan bangunan World Trade Centre New York, pada pagi 11 September 2001. Tanpa ada duluan, tragedi 11 September, telah menghamparkan cabaran besar dan ujian baru kepada pasukan bomba dan penyelamat.

5. Sambutan sesuatu hari peringatan wajib diisi dengan roh dan makna, yang berupaya mengetuk hati dan menyentuh sanubari, yang berupaya memberikan peringatan dan membangkitkan kesedaran, agar maksud dan tujuan diadakan sesuatu sambutan, benar-benar difahami serta dihayati oleh negara dan masyarakat. Sesuatu sambutan yang diadakan, kalau sekadar berbentuk upacara (*ceremonial*) - berbentuk ritual, terlalu luaran sifatnya, malah boleh tercicir daripada matlamat asal sambutan diperkenalkan. Sambutan yang berbentuk ritual – berbentuk upacara, akan hanya membazirkan sumber kerana gagal membuahkan hasil yang dihasratkan.

6. Oleh itu, amatlah perlu diperingatkan kembali, bahawa ‘Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia’ dicetuskan daripada satu tragedi menyayat hati, tragedi terkorbannya lima nyawa di Linton pada tahun 1998; sementara tarikh 4 Mei dipilih sebagai tarikh sambutan, berakar daripada peristiwa Saint Florian dan rakan-rakan yang terkorban dalam peristiwa menghadapi kebakaran di Roma. ‘Hari Anggota Bomba Sedunia’ adalah hari yang khusus didedikasikan untuk menghargai dan menghormati perkhidmatan para anggota bomba. Dua kata kunci yang wajib dijadikan tunggak sambutan, pertama: MENGHARGAI, kedua: MENGHORMATI.

7. Apakah bentuk PENGHARGAAN dan apakah bentuk PENGHORMATAN yang sewajarnya diberikan kepada anggota bomba yang saban masa berhadapan pelbagai bahaya dan saban hari mengharungi pelbagai dugaan ketika melaksanakan tugas dan menggalas tanggungjawab. Dalam sejarah perkhidmatan anggota bomba, dunia pastinya telah menyaksikan kehilangan lebih daripada lima nyawa di Linton dan beberapa nyawa bersama Saint Florian di Roma. Ribuan lagi yang menghadapi pelbagai kecederaan dan puluhan ribu yang menanggung pelbagai penyakit, terutama setelah mencecah usia tua persaraan; harga yang perlu ditanggung oleh individu dan kos yang perlu dibayar oleh keluarga, kesan daripada para anggota melaksanakan tugas berbahaya berat (*hazardous*) dan menggalas tanggungjawab berisiko tinggi.

8. Menghargai dan menghormati perkhidmatan ahli bomba tidak memadai sekadar menganugerahkan medal, sijil dan cenderamata, tidak mencukupi dengan ucapan dan surat pujian. Menghargai dan menghormati khidmat anggota bomba hendaknya tidak terbatas kepada program-program berbentuk perbarisan, pameran, persembahan budaya atau jamuan. 'Sambutan Hari Anggota Bomba' akan lebih bermakna jika acara sambutan diisi dengan acara-acara berunsur spirituil - berunsur ilmu, berupaya meningkatkan penghayatan masyarakat dan apresiasi negara, serta dilengkapi dengan program-program yang dapat memberikan

impak bermakna, berupaya membawa perubahan-perubahan substantif kepada perkhidmatan yang memberikan manfaat jangka panjang kepada para anggota, dengan menyentuh lima perkara berikut:

Pertama: merekayasa program latihan dan tatacara operasi yang dapat meningkatkan tahap profesional anggota.

Kedua: mengenal pasti peralatan terkini yang diperlukan dalam menghadapi cabaran senario semasa untuk membolehkan perkhidmatan yang lebih efektif dapat diberikan.

Ketiga: menilai prosedur operasi dan kelengkapan yang perlu dibekalkan untuk meminimumkan risiko para anggota ketika menjalankan tugas.

Keempat: merangka pakej perkhidmatan dan program kebajikan para anggota bukan sahaja semasa berkhidmat tetapi lebih penting pada usia tua persaraan, setimpal dengan tahap pengorbanan, beban tanggungjawab dan risiko yang dihadapi oleh anggota.

Kelima: meningkatkan kesedaran negara dan masyarakat akan pengorbanan ahli bomba agar negara dan masyarakat memberikan apresiasi yang lebih tinggi kepada ahli bomba semasa dalam perkhidmatan dan setelah bersara daripada perkhidmatan.

9. Beta telah menyaksikan sendiri para anggota bomba menjalankan pelbagai operasi penyelamat di negeri Perak dan Beta amat menghargai komitmen dan dedikasi serta semangat bekerja yang dipamerkan oleh setiap anggota. Ketika melaksanakan tugas, para anggota telah menunjukkan sifat pengorbanan, sifat keinsanan dan sifat kemanusiaan yang tinggi; melaksanakan tanggungjawab tanpa mengenali waktu dan lelah, berpanas – berkeringat, berembun - berhujan, meredah air – mengharung lumpur, mendaki bukit – memanjat bangunan, menghadapi bahaya – menanggung risiko, sedaya mungkin menghulurkan pertolongan kepada mangsa bencana. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bermaksud:

“Siapa yang menolong saudaranya yang lain maka ALLAH akan menuliskan baginya tujuh kebaikan bagi setiap langkah yang dilakukannya.”¹

¹ Hadis Riwayat Thabrani.

10. Sesungguhnya semangat berkhidmat – semangat pengorbanan para anggota bomba merupakan satu amal makruf melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah. Semoga kehidupan saudara-saudari dan anggota keluarga dikurniakan ganjaran keberkatan atas amal makruf yang dilakukan, serta dilimpahkan ganjaran rahmat ketika berada di alam barzakh dan turut membantu memberatkan timbangan amal pada hari perhitungan di Padang Mahsyar. Amin Ya! Rabbulalamin.

11. Sempena ‘Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia’ ini, marilah sama-sama kita menghargai jasa dan khidmat bakti para anggota bomba yang telah terkorban, dengan bertafakur dan mendoakan agar roh mereka dilimpahi rahmat, dan bagi yang beragama Islam untuk sama-sama membacakan Surah Al-Fatihah, agar apa juga ganjaran daripada bacaan tersebut disampaikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala kepada roh-roh mereka yang telah kembali ke Rahmatullah. Al-Fatihah.

12. Dengan kalimah, Bismillahi Rahmani Rahim, Beta melafazkan pelancaran “Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2017”.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ